

**PENGUASAAN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR DALAM  
PENGLIBATAN AKTIVITI KOKURIKULUM  
BADAN BERUNIFORM DI UTHM**

JULIZA EZAIDA BINTI JUMELAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN 2014

## ABSTRAK

Kemahiran Insaniah (KI) pelajar IPT meliputi tujuh elemen iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran pembelajaran berterusan dan teknologi maklumat, kemahiran etika moral, kemahiran keusahawanan, dan juga kemahiran kepimpinan. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform berdasarkan kepada persepsi pelajar UTHM dan juga persepsi jurulatih. Kajian ini juga mengenal pasti kedudukan elemen kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar berdasarkan persepsi pelajar dan persepsi jurulatih dan seterusnya mengenal pasti sama ada wujud perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan jantina. Seramai 285 orang pelajar dan 32 orang jurulatih di badan-badan beruniform UTHM telah terpilih untuk menjadi responden kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik dengan nilai *Alpha* ( $\alpha$ ) bagi set pelajar adalah 0.96 dan set jurulatih adalah 0.93. Seterusnya, data kajian sebenar yang telah dirumuskan dalam bentuk deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, min dan statistik inferens iaitu Ujian-t tidak bersandar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar adalah berada pada tahap tinggi. Kajian ini juga menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan ( $0.622 > 0.05$ ) persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah melalui penglibatan aktiviti badan beruniform berdasarkan jantina. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran insaniah pelajar berada pada tahap yang tinggi untuk kesemua elemen kemahiran insaniah. Adalah diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dan beberapa cadangan yang telah dikemukakan bagi kajian lanjutan dalam meningkatkan kualiti graduan pada masa akan datang.

## ABSTRACT

Soft Skills (KI) for university students include seven elements of communication skills, teamwork skills, critical thinking and problem solving skills, learning skills and information technology skills, moral ethics, entrepreneurial skills, and leadership skills. The purpose of this study was to identify the level of involvement of soft skills in a uniformed body activities based on students' perceptions and also coach's perception. This study also to identify the elements of soft skills among the students based on the students' perception and the coach's perception and also identify whether there is a significant difference perception towards mastery of soft skills based on gender. A total of 285 students and 32 coaches have been selected to become as respondents of the research. The instrument used was a questionnaire with the Alpha ( $\alpha$ ) for the set of students is 0.96 and the coach set is 0.93. Next, the actual research data that has been summarized in the form of descriptive frequencies, percentages, means and statistical inference of independent t-tests. The results showed that the level of human skills the student is in high level. The study also showed no significant difference ( $0.622 > 0.05$ ) between students' perception of the level of human skills through participation in activities uniformed bodies based on gender. Overall results showed that mastery of soft skills are at a high level for all elements of soft skills. It is hoped that this study will be beneficial to all parties involved and a number of proposals that have been tabled for further research to improve the quality of the graduate in the future.

## KANDUNGAN

	<b>PENGESAHAN</b>	
	<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xviii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	4
	1.3 Pernyataan masalah	6
	1.4 Tujuan kajian	7
	1.5 Objektif kajian	7
	1.6 Soalan kajian	8
	1.7 Hipotesis kajian	8



1.8	Kerangka konsep kajian	9
1.9	Skop kajian	12
1.10	Batasan kajian	12
1.11	Kepentingan kajian	13
1.12	Definisi istilah dan pengoperasian	14
1.13	Rumusan	17

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	18
2.2	Kemahiran Insaniah	18
2.2.1	Kemahiran berkomunikasi	22
2.2.2	Kemahiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah	24
2.2.3	Kemahiran bekerja berpasukan	26
2.2.4	Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat	27
2.2.5	Kemahiran keusahawanan	28
2.2.6	Etika dan moral professional	29
2.2.7	Kemahiran kepimpinan	30
2.3	Aktiviti Kokurikulum	31
2.3.1	Kepentingan aktiviti kokurikulum	32
2.3.2	Kemahiran insaniah dalam aktiviti kokurikulum	33
2.4	Badan beruniform	34
2.4.1	PALAPES	35
2.4.2	SUKSIS	37
2.4.3	SISPA	37

2.2.4	RELASIS	38
2.2.5	Pengakap Kelanasiswa	39
2.5	Sorotan kajian	39
2.6	Rumusan	42

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka bentuk kajian	43
3.3	Kerangka kerja operasi kajian	45
3.4	Populasi dan sampel kajian	47
3.5	Tempat kajian	48
3.6	Instrumen kajian	49
3.6.1	Borang soal selidik	49
3.6.2	Borang soalan terbuka	52
3.6.3	Kesahan	52
3.6.4	Kebolehpercayaan	54
3.7	Kajian rintis	55
3.8	Pemboleh ubah kajian	56
3.9	Pengumpulan data	56
3.9.1	Pembentukan soal selidik	57
3.9.2	Pentadbiran soal selidik	58
3.10	Penganalisan data	58
3.11	Rumusan	59



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

**BAB 4 ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	60
4.2	Analisis soal selidik	61
4.3	Analisis kebolehpercayaan soal selidik	61
4.4	Ujian normaliti data	62
4.5	Demografi responden pelajar	62
4.5.1	Jantina	63
4.5.2	Umur	63
4.5.3	Fakulti	64
4.5.4	Jenis badan beruniform yang disertai	64
4.5.5	Tahun menyertai badan beruniform	65
4.6	Demografi responden jurulatih	66
4.6.1	Jantina	66
4.6.2	Jenis badan beruniform yang dipimpin	66
4.6.3	Tempoh berkhidmat dalam badan beruniform di UTHM	67
4.7	Dapatan kajian	68
4.7.1	Analisis persepsi pelajar terhadap penguasaan kemahiran insaniah	68
4.7.2	Analisis persepsi jurulatih terhadap penguasaan kemahiran insaniah pelajar di UTHM	78
4.7.3	Analisis kedudukan elemen berdasarkan persepsi pelajar dan persepsi jurulatih	89
4.7.4	Analisis perbezaan antara persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan jantina	90



4.8	Rumusan	91
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>		
5.1	Pengenalan	93
5.2	Ringkasan kajian	93
5.3	Perbincangan dan kesimpulan	94
5.3.1	Latar belakang responden	95
5.3.2	Persepsi pelajar terhadap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform di UTHM.	96
5.3.3	Persepsi jurulatih terhadap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform di UTHM.	98
5.3.4	Kedudukan elemen kemahiran insaniah berdasarkan persepsi pelajar dan persepsi jurulatih	99
5.3.5	Perbezaan antara persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan jantina	101
5.4	Kesimpulan	102
5.5	Cadangan	104
5.5.1	Cadangan terhadap kajian	104
5.5.2	Cadangan terhadap kajian lanjutan	105
5.6	Penutup	106
<b>RUJUKAN</b>		<b>108</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>116</b>



## SENARAI JADUAL

2.1	Ciri-ciri KIM yang digariskan di IPT	19
2.2	Ciri-ciri KIT yang digariskan di IPT	21
2.3	Keterangan lapan tahap CS	23
2.4	Keterangan tujuh tahap CTPS	25
2.5	Keterangan lima tahap TS	27
2.6	Keterangan tiga tahap LL	28
2.7	Keterangan dua tahap KK	29
2.8	Keterangan lima tahap EM	30
2.9	Keterangan lima tahap LS	31
2.10	Istilah lain bagi kemahiran generik dan ciri-cirinya	40
3.1	Pengagihan sampel kajian pelajar mengikut aktiviti kokurikulum badan beruniform	48
3.2	Pengagihan sampel kajian jurulatih yang memimpin badan beruniform	48
3.3	Pembahagian item soal selidik	50
3.4	Susunan item bagi Bahagian B	50
3.5	Skala Likert	51
3.6	Senarai pakar dan komen-komen	53
3.7	Interpretasi skor bagi nilai <i>Alpha Cronbach</i>	54
3.8	Kaedah analisis data	58
3.9	Interpretasi skor min	59
4.1	Kebolehpercayaan item-item soal selidik	61
4.2	Taburan responden mengikut jantina pelajar	63
4.3	Taburan responden mengikut peringkat umur	63

## SENARAI JADUAL

4.4	Taburan responden mengikut fakulti	64
4.5	Taburan responden mengikut jenis badan beruniform yang disertai oleh pelajar	65
4.6	Taburan responden mengikut tahun pelajar menyertai badan beruniform	65
4.7	Taburan responden mengikut jantina jurulatih	66
4.8	Taburan responden mengikut jenis badan beruniform yang dipimpin oleh jurulatih	67
4.9	Taburan responden mengikut tempoh jurulatih berkhidmat dalam badan beruniform	67
4.10	Min keseluruhan bagi elemen kemahiran berkomunikasi persepsi pelajar	69
4.11	Min keseluruhan bagi elemen pemikiran kritis dan penyelesaian masalah persepsi pelajar	71
4.12	Min keseluruhan bagi elemen kemahiran kerja berpasukan persepsi pelajar	72
4.13	Min keseluruhan bagi elemen pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat persepsi pelajar	73
4.14	Min keseluruhan bagi elemen kemahiran keusahawanan persepsi pelajar	74
4.15	Min keseluruhan bagi elemen etika dan moral professional persepsi pelajar	76
4.16	Min keseluruhan bagi elemen kemahiran kepimpinan persepsi pelajar	77

**SENARAI JADUAL**

4.17	Tahap penguasaan keseluruhan elemen kemahiran insaniah persepsi pelajar	78
4.18	Min keseluruhan bagi elemen kemahiran berkomunikasi persepsi jurulatih	79
4.19	Min keseluruhan bagi elemen pemikiran kritis dan penyelesaian masalah persepsi jurulatih	81
4.20	Min keseluruhan bagi elemen kemahiran kerja berpasukan persepsi jurulatih	82
4.21	Min keseluruhan bagi elemen pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat persepsi jurulatih	84
4.22	Min keseluruhan bagi elemen kemahiran keusahawanan persepsi jurulatih	85
4.23	Min keseluruhan bagi elemen etika dan moral professional persepsi jurulatih	86
4.24	Min keseluruhan bagi elemen kemahiran kepimpinan persepsi jurulatih	87
4.25	Tahap penguasaan keseluruhan elemen kemahiran insaniah persepsi jurulatih	88
4.26	Kedudukan elemen kemahiran insaniah berdasarkan persepsi pelajar dan persepsi jurulatih	89
4.27	Hasil Ujian-t tidak bersandar jantungina pelajar	90

**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka konsep kajian	10
1.2	Pembesaran kerangka konsep kajian	11
3.1	Kerangka operasi kajian	46
3.2	Pemboleh ubah kajian	56



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI SINGKATAN

PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KPTM	-	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
PALAPES	-	Pasukan Latihan Pegawai Simpanan
SUKSIS	-	Pasukan Sukarelawan Siswa Siswi Polis
SISPA	-	Siswa Siswi Pertahanan Awam
RELASIS	-	Briged Rela Siswa Siswi UTHM
MASUM	-	Majlis Sukan Universiti Malaysia
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
KIM	-	Kemahiran Insaniah Mesti
KIT	-	Kemahiran Insaniah Tambahan
MPKI	-	Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah
IPTM	-	Institusi Pengajian Tinggi Malaysia
CS	-	Kemahiran berkomunikasi
CTPS	-	Pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah
TS	-	kemahiran kerja berpasukan
LL	-	Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat
KK	-	Kemahiran keusahawanan
EM	-	Etika dan moral professional
LS	-	Kemahiran kepimpinan
FPTV	-	Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional
FKAAS	-	Fakulti Kejuruteraan Awam Dan Alam Sekitar
FKEE	-	Fakulti Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik
FKMP	-	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan

FPTP	-	Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan
FSKTM	-	Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat
FSTPi	-	Fakulti Sains Teknologi Dan Pembangunan Insan
FTK	-	Fakulti Teknologi Kejuruteraan
PPD	-	Pusat Pengajian Diploma



PTTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

A1	Carta Gantt Projek Sarjana 1	116
A2	Carta Gantt Projek Sarjana 2	117
B	Jadual Kreicie & Morgan	119
C1	Borang soal selidik (Pelajar)	120
C2	Borang soal selidik (Jurulatih)	125
D	Soalan terbuka	130
E	Pengesahan pakar	135
F	Analisis kajian rintis	145
G	Surat kebenaran kajian	152
H	Analisis kebolehpercayaan	159
I	Ujian normaliti	168
J	Dapatan kajian (Demografi)	169
K	Dapatan kajian (skor min)	176
L	Dapatan kajian (Ujian-t)	204
M	Jawapan bagi soalan terbuka	205

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bagi melengkapkan visi 2020, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang saintifik dan progresif. Justeru untuk merealisasikan visi ini, kerajaan khususnya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah memperkenalkan Kemahiran Insaniah (KI) kepada semua pelajar IPT yang meliputi tujuh elemen iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran pembelajaran berterusan dan teknologi maklumat, kemahiran etika moral, kemahiran keusahawanan, dan juga kemahiran kepimpinan.

Kesemua elemen ini merupakan elemen penting yang wajib dikuasai oleh para pelajar bagi membolehkan mereka menjadi pelajar yang serba boleh, berfikiran dengan kritis dan inovatif dan mempunyai kecemerlangan akhlak dalam kehidupan realiti sebenar setelah melangkah keluar dari alam kampus. Intipati suntikan utama pembangunan modal adalah kemahiran insaniah, dimana pembangunan aspek modal insan sangat penting bagi menjadikan negara berdaya saing. Rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran akan berpotensi memiliki modal insan yang besar untuk dirinya sendiri, masyarakat dan negara. Kemahiran insaniah adalah suatu usaha ke arah melahirkan insan yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, beretika, terlatih dan mempunyai pendidikan (Dora et al, 2008)

Kemahiran insaniah merupakan set kemahiran yang bertujuan untuk melengkapkan pembentukan insan supaya seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal, berasaskan pegangan teguh dan kepercayaan kepada Tuhan



(Annamalai, Othman & Abdullah, 2012). Oleh yang demikian, kemahiran insaniah dapat dijelaskan sebagai kemahiran yang terdapat pada diri seseorang secara semula jadi atau dilatih seperti kemahiran interpersonal, komunikasi, menyelesaikan masalah, menggunakan idea dan teknik matematik dan lain-lain lagi.

Dalam usaha untuk mencapai falsafah pendidikan negara bagi melahirkan rakyat yang berilmu dan modal insan yang berkualiti, pelbagai kemahiran dan keperluan pendidikan perlu dilaksanakan merangkumi aspek rohani, jasmani, intelek dan emosi (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2006). Penekanan aspek kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa bukan sekadar memenuhi kehendak institusi, malah adalah untuk melahirkan modal insan kelas pertama yang mampu berdaya saing, cekap, tahan lasak dan fleksibel apabila berhadapan dengan situasi di alam pekerjaan (Ahmad Anuar & Esa, 2010).

Kemahiran insaniah ini juga turut dititikberatkan oleh organisasi pendidikan di luar negara dengan mengaitkan kokurikulum dengan kemahiran generik yang boleh diperolehi oleh pelajar apabila terlibat dengan aktiviti kokurikulum. Antaranya ialah Universiti ICFAI (2003) telah menggariskan beberapa ciri kemahiran generik yang membantu pelajar apabila terlibat dengan aktiviti kokurikulum iaitu membangunkan sikap positif, mengembangkan kebolehan dan kualiti kepimpinan, belajar untuk bekerja dalam persekitaran yang dipenuhi dengan tekanan, mengurus tekanan dengan berkesan, bersatu dalam kumpulan, membangunkan kemahiran bekerja dalam kumpulan, meningkatkan kreativiti, meningkatkan disiplin, meningkatkan tahap keyakinan, menetapkan matlamat, bekerja bersungguh-sungguh dan bekerja berdasarkan orientasi keputusan.

Aktiviti kokurikulum sama ada di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi yang merangkumi aktiviti badan beruniform, kelab dan persatuan serta sukan merupakan aktiviti yang kebanyakannya dijalankan di luar bilik darjah. Aktiviti ini adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Kepentingan aktiviti ini juga setara dengan kepentingan aktiviti di dalam bilik darjah kerana peranannya sebagai penyumbang dan pelengkap kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Aktiviti kokurikulum diperkasakan dalam sistem pengajian sewajarnya sama seperti kurikulum teras yang lain pada peringkat pengajian tinggi. Kokurikulum di

institusi pengajian tinggi merupakan pelengkap kepada kitaran kokurikulum pengajian bidang teras. Kurikulum kokurikulum menumpukan hasil pembelajarannya kepada pencapaian dalam komponen psikomotor, afektif, dan juga kognitif. Komponen-komponen tersebut adalah penting ke arah pembentukan modal insan. Kurikulum kokurikulum telah dirancang untuk menerapkan kriteria khusus untuk pembangunan kemahiran insaniah yang merupakan komponen kepada pembentukan modal insan.

Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah penting berdasarkan tanggapan bahawa semua pelajar harus mempunyai keseimbangan mental, bakat, sosial, jasmani, dan rohani. Kokurikulum dikatakan sebagai pelengkap kepada kurikulum dan dapat membantu potensi pembangunan diri individu (Kamis, 1993; Arosoo, 1988; dan Tong, 1984). Sekiranya aspek rohani, emosi dan jasmani murid gagal dibentuk dengan baik, maka timbul kepelbagaian masalah seperti pekerja tidak amanah, jurutera yang mengamalkan rasuah dan seterusnya pembentukan masyarakat yang kurang sihat (Puteh, 2004). Menurut Abdul Ghafar (2007), aktiviti kokurikulum dapat membekalkan pengalaman bagi perkembangan mental, bakat, sosial, jasmani, dan rohani pelajar.

Aktiviti kokurikulum badan beruniform banyak ditubuhkan dan dijalankan di seluruh institusi pengajian di Malaysia sama ada institusi pengajian tinggi mahupun institusi pengajian di peringkat yang rendah. Badan beruniform ini ditubuhkan adalah bertujuan melatih pelajar-pelajar supaya bersikap bertanggungjawab, kegiatan ini juga boleh melatih mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai.

Oleh yang demikian, aktiviti kokurikulum badan beruniform mendatangkan pelbagai kebaikan dan kelebihan bagi seseorang individu ataupun yang menyertainya. Secara zahirnya, ia bukan sahaja melahirkan pelajar yang cergas dan cerdas dari segi mental dan fizikal, malah mereka ini mampu memenuhi aspek-aspek yang terdapat di dalam falsafah pendidikan negara. Melalui aktiviti badan beruniform ini juga mampu memperlihatkan penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar sebagai bekalan mereka untuk menghadapi alam pekerjaan yang sebenar.

## 1.2 Latar belakang masalah

Isu kemahiran insaniah atau pun *softskill* bukanlah sesuatu topik yang baru, dimana ianya sering diperkatakan dan sering dipertikaikan oleh sesetengah pihak perindustrian sama ada pihak industri dari dalam negara sendiri mahu pun pihak industri dari luar negara, terhadap kemahiran insaniah seseorang individu dari lepasan mana-mana institusi pengajian tinggi atau pun rendah. Maka, pelbagai kajian, usaha dan tindakan yang dilakukan oleh pihak institusi supaya dapat melahirkan seseorang individu memiliki kesedaran terhadap kepentingan kemahiran insaniah dan berjaya memiliki kemahiran insaniah untuk kehidupan mereka di masa hadapan.

Mohd Salleh et al (2010), menjelaskan bahawa kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang perlu dimiliki oleh seseorang untuk berfungsi dengan berkesan sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran-kemahiran khusus yang dimiliki. Kemahiran insaniah boleh berkembang melalui proses semula jadi seperti tumbesaran, kematangan dan penuaan (Megat Zakaria, 2007).

Walau bagaimanapun, penekanan terhadap pelajar dalam menguasai kesemua elemen kemahiran insaniah dapat ditingkatkan dengan mengaplikasikan kemahiran insaniah dalam aktiviti kokurikulum. Menurut Mohd Noor & Sahimin (2010) dan Abdullah (2007), kebanyakan majikan masa kini memerlukan pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi juga memiliki kemahiran generik agar mereka memiliki *multiple skills* dalam melakukan pelbagai tugas yang diberi untuk meningkatkan produktiviti syarikat dan berdaya saing. Hal ini disokong oleh Chin (2005) yang menyatakan kebanyakan graduan tidak bersedia untuk memenuhi keperluan pekerjaan yang mementingkan kemahiran insaniah.

Akademik boleh dikatakan formal sedangkan kokurikulum, pengetahuan am dan sivik pula dinyatakan sebagai tidak formal tetapi ianya merupakan sebahagian daripada penilaian akademik. Matlamat bagi melahirkan insan yang sepadu dan seimbang, paradigma yang sepatutnya digunakan ialah memberikan penekanan seimbang terhadap kedua-dua komponen iaitu akademik dan kokurikulum. Maksud seimbang di sini ialah kedua-dua komponen itu perlu diberikan perhatian sewajarnya, yang bersesuaian dengan

kepentingannya dan tidak ada komponen yang dipinggirkan. Malangnya, sistem pendidikan di Malaysia terlalu menekankan akademik dimana terlalu berorientasikan peperiksaan.

Oleh kerana pendidikan di Malaysia terlalu menekankan akademik, Mohktar et al (1999) ada menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum amat penting dalam membentuk sahsiah, perkembangan bakat, minat dan rohani pelajar. Seterusnya, Ab. Alim (1999) pula ada menyatakan juga bahawa kokurikulum adalah aktiviti dan juga pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik darjah. Aktiviti kokurikulum banyak dilaksanakan secara tidak formal atau tidak langsung dan lebih menekankan perkara serta aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan dan kepimpinan.

Jaafar dan Yusof (2002) merumuskan bahawa aktiviti kokurikulum di sekolah perlu memenuhi fungsi sebagai aktiviti yang memberi khidmat kepada pembangunan kemasyarakatan. Semangat berkhidmat, bekerjasama dan saling membantu antara satu sama lain perlu disemai bagi membentuk masyarakat yang harmonis. Manakala Ab. Manaf & Fauzee (2002) menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum dapat memberi latihan awal dari segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan murid.

Di institusi pengajian tinggi terdapat beberapa badan beruniform yang ditubuhkan untuk aktiviti kokurikulum, disamping melatih pelajar agar lebih berdisiplin, mengikut peraturan, mempunyai jati diri dan semangat cintakan negara. Kebanyakan badan beruniform ini ditubuhkan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), antara yang ditubuhkan adalah PALAPES, SUKSIS, SISPA, RELASIS, Pengakap Kelanasiswa dan lain-lain lagi (Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, 2006).

Oleh yang demikian, badan uniform yang merupakan salah satu pecahan aktiviti kokurikulum ini banyak menyumbang ke arah kebaikan dan kelebihan dalam penguasaan kemahiran insaniah sebagai suatu nilai tambah yang amat penting dan amat diperlukan oleh setiap pelajar yang akan bergraduan dalam menghadapi alam pekerjaan dan alam kedewasaan pada masa akan datang. Hal ini kerana, kemahiran insaniah amat penting demi meningkatkan martabat negara di mata dunia.

### 1.3 Pernyataan masalah

Pada tahun 2005, satu masalah yang telah terjadi kepada para graduan daripada IPTA iaitu kegagalan bagi mendapatkan pekerjaan selepas tamat enam bulan pengajian. Hal ini dinyatakan ketika Najib Tun Razak merumuskan perbincangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) berdasarkan Kajian pengesanan graduan, iaitu sebanyak 32 peratus daripada siswazah tidak mendapat pekerjaan selepas enam bulan tamat pengajian. Disamping itu, kajian pengendali kerja secara talian iaitu *Jobstreet.com* dan 250 syarikat swasta dan kerajaan pada 2010 juga mendapati bahawa kesukaran graduan mendapat pekerjaan adalah berpunca daripada kegagalan graduan mempamerkan elemen-elemen kemahiran insaniah yang amat dititikberatkan.

Berdasarkan permasalahan tersebut, kepelbagaian persatuan yang ditubuhkan berasaskan kepada hobi dan rekreasi, sukan dan permainan, badan beruniform serta apa-apa persatuan lain yang diluluskan oleh pendaftar. Kepelbagaian aktiviti juga haruslah yang berupaya memberi manfaat kepada pelajar dalam meningkatkan disiplin dan perpaduan, membina pengetahuan, minat dan bakat, membentuk sahsiah, mengukuhkan pegangan keagamaan dan sebagainya. Hal ini telah diakui Badusah (2009), Ahmad (2008) dan juga Ab.Alim (2004). Justeru, pelaksanaan badan beruniform perlulah dilaksanakan dengan terancang dan sistematik berserta kerjasama yang padu dan bersungguh-sungguh.

Tahir dan Othman (2010) menyatakan bahawa melalui badan beruniform, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang mengandungi unsur intelek akan dapat membantu pelajar memiliki keyakinan tinggi dalam membuat keputusan. Di samping itu, badan beruniform menerapkan beberapa elemen penting seperti disiplin sendiri, kepimpinan, keusahawanan, kreatif, inovasi, dan kecintaan kepada alam semula jadi. Badan beruniform ini juga boleh dijadikan alat untuk pembentukan semangat kewarganegaraan, kesetiaan kepada bangsa dan negara serta integrasi nasional.

Justeru itu, kajian yang dijalankan ini membincangkan elemen-elemen yang berkaitan dengan penguasaan kemahiran insaniah dan melihat persepsi pelajar untuk cenderung dalam penglibatan aktiviti badan beruniform yang terdapat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) iaitu Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES),

Pasukan Sukarelawan Siswa Siswi Polis (SUKSIS), Siswa Siswa Pertahanan Awam (SISPA), Briged Rela Siswa Siswi (RELASIS), dan juga Pengakap Kelanasiswa. Disamping itu, kajian ini melihat tahap penguasaan kemahiran insaniah dari persepsi jurulatih yang memimpin para pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Kajian ini juga dilakukan untuk melihat sama ada faktor jantina mempengaruhi penguasaan kemahiran insaniah dan melalui penglibatan aktiviti badan beruniform. Kajian ini memfokuskan kepada semua elemen kemahiran insaniah yang berlandaskan kepada Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, moral dan etika profesional, dan juga kemahiran kepimpinan.

#### **1.4 Tujuan kajian**

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform berdasarkan kepada persepsi pelajar UTHM. Selain itu, kajian ini juga dilakukan bagi mengenal pasti persepsi jurulatih terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti badan uniform yang disertai dalam kalangan pelajar UTHM. Kemudian, kajian ini mengenal pasti kedudukan elemen kemahiran insaniah berdasarkan persepsi pelajar dan juga persepsi jurulatih terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform pelajar di UTHM, dan akhir sekali bagi mengenal pasti sama ada wujud perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan jantina.

#### **1.5 Objektif kajian**

Secara khususnya, kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif seperti berikut:

- (i) Mengetahui persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan uniform di UTHM.

- (ii) Mengenal pasti persepsi jurulatih terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan uniform di UTHM.
- (iii) Mengenal pasti kedudukan elemen kemahiran insaniah berdasarkan persepsi pelajar dengan persepsi jurulatih terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform pelajar di UTHM.
- (iv) Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform berdasarkan jantina.

### **1.6 Soalan kajian**

Secara umumnya, persoalan kajian ini meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Apakah persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan uniform di UTHM?
- (ii) Apakah persepsi jurulatih terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan uniform di UTHM?
- (iii) Apakah kedudukan elemen kemahiran insaniah berdasarkan persepsi pelajar dengan persepsi jurulatih terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform pelajar di UTHM?
- (iv) Adakah wujud perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform berdasarkan jantina?

### **1.7 Hipotesis kajian**

Hipotesis didefinisikan sebagai ramalan kepada sesuatu soalan dalam konteks penyelidikan. Hipotesis dalam kajian ini adalah untuk menjawab soalan kajian ke empat, dimana melihat perbezaan yang signifikan antara ketujuh-tujuh elemen kemahiran insaniah terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah yang dikuasai oleh

pelajar UTHM berdasarkan jantina. Hipotesis yang dibentuk untuk kajian ini adalah seperti berikut:

$H_0$  : Tidak wujudnya perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform berdasarkan jantina.

$H_a$  : Wujudnya perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform berdasarkan jantina pelajar.


### **1.8 Kerangka konsep kajian**

Kerangka konsep kajian bertujuan memberi penjelasan secara grafik terhadap kajian yang dijalankan. Melalui pembacaan penyelidik, penyelidik telah mengenal pasti bahawa terdapat lima elemen kemahiran insaniah yang kerap dikemukakan oleh para penyelidik terdahulu iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, dan juga kemahiran kepimpinan (Musa & Esa (2011); Esa & Jamaludin (2009); Idris, Ariffin & Mohd Ishak (2009)). Namun, penyelidik menggunakan pendekatan yang hampir sama, tetapi penyelidik mengaplikasikan ketujuh-tujuh elemen kemahiran insaniah yang perlu diterapkan dalam diri para pelajar bagi memenuhi kehendak dan keperluan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Kerangka konsep bagi kajian ini mempunyai tiga komponen utama iaitu input, proses, dan output. Komponen input dalam kajian ini ialah pelajar UTHM dan diikuti dengan proses yang terbahagi kepada dua elemen iaitu kemahiran insaniah dan aktiviti kokurikulum badan beruniform. Manakala, komponen yang ketiga iaitu output mengandungi penguasaan kemahiran insaniah pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum badan beruniform yang terdapat di UTHM. Kerangka konsep kajian yang dibangunkan oleh penyelidik ini telah diubahsuai mengikut kesesuaian




kajian yang dijalankan oleh penyelidik dengan merujuk kepada kerangka konsep kajian yang diadaptasi daripada Ahmad dan Mohd Yunus (2011) ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Kerangka konsep kajian diadaptasi daripada Ahmad dan Mohd Yunus (2011)

Komponen utama kerangka konsep kajian ini adalah terdiri daripada pelajar UTHM. Komponen kedua merupakan elemen kemahiran insaniah dan aktiviti kokurikulum badan beruniform. Kemahiran insaniah yang dikemukakan adalah terdiri daripada ketujuh-tujuh elemen kemahiran insaniah seperti yang dinyatakan di dalam Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat kerja keusahawanan, etika profesional dan moral, dan juga kemahiran kepimpinan. Manakala aktiviti kokurikulum badan beruniform yang terdapat di UTHM terbahagi kepada lima badan beruniform iaitu PALAPES, SUKSIS, SISPA, RELASIS dan juga Pengakap Kelanasiswa. Komponen empat ialah pelajar UTHM menguasai kemahiran insaniah melalui penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform apabila mereka diterapkan ketujuh-tujuh elemen kemahiran insaniah. Penerangan secara terperinci mengenai kerangka konsep kajian yang menjelaskan keempat-empat komponen yang hendak dikaji ditunjukkan dalam Rajah 1.2.

PENGUASAAN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR DALAM  
PENGLIBATAN AKTIVITI KOKURIKULUM  
BADAN BERUNIFORM DI UTHM



Rajah 1.2: Pembesaran kerangka konsep kajian

(Sumber KPT (2006), Diadaptasi oleh penyelidik mengikut kesesuaian kajian)

## **1.9 Skop kajian**

Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik memberi penumpuan dan memfokuskan kepada tahap penguasaan pelajar terhadap setiap ke tujuh-tujuh elemen kemahiran insaniah melalui penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform yang disertai oleh pelajar. Kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti persepsi jurulatih terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform yang disertai dalam kalangan pelajar. Dengan itu, elemen kemahiran insaniah yang dikaji oleh penyelidik adalah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, moral dan etika profesional, dan juga kemahiran kepimpinan.

### **1.10 Batasan kajian**

Kajian ini dilaksanakan ke atas pelajar yang melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti kokurikulum badan beruniform yang terdapat di UTHM iaitu PALAPES, SUKSIS, SISPA, Pengakap Kelanasiswa dan juga RELASIS. Penyelidik membataskan kajian kepada aktiviti kokurikulum badan beruniform kerana penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum ini merupakan sesuatu aktiviti yang memberikan impak yang amat besar dan bukan sahaja dari segi ketahanan mental dan fizikal malah terdapatnya juga penerapan dari segi nilai-nilai murni yang amat penting bagi diri seseorang individu.

Responden yang dipilih bakal menjawab satu set borang soal selidik yang merupakan alat utama bagi mengumpul maklumat berkaitan penguasaan kemahiran insaniah pelajar. Borang soal selidik kajian digunakan bagi memudahkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat secara keseluruhan penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar yang aktif dengan penglibatan aktiviti badan beruniform di UTHM. Sehubungan dengan itu, penyelidik membuat andaian bahawa responden akan memberi maklumat yang tepat secara ikhlas dan jujur semasa menjawab set soal selidik yang diberikan.

### 1.11 Kepentingan kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini, diharapkan dapat membantu dan menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam salah satu pecahan aktiviti kokurikulum iaitu badan beruniform. Penerapan kemahiran insaniah melalui badan beruniform membolehkan pelajar memajukan diri dari segi peningkatan dan penguasaan kemahiran insaniah sebagai nilai tambah dalam diri pelajar.

Selain itu, pihak kementerian boleh menjadikan kajian ini sebagai salah satu input maklumat dalam pembentukan polisi dan kaedah untuk menggalakkan lebih ramai pelajar institut pengajian tinggi melibatkan diri dalam badan beruniform. Hal ini kerana badan beruniform mampu melatih para pelajar supaya lebih berdisiplin, mengikut peraturan, mempunyai jati diri dan semangat cintakan negara (patrotik) yang merupakan elemen-elemen yang perlu ada bagi mendapatkan generasi yang berguna untuk negara pada masa hadapan.

Disamping itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar dan juga pihak kementerian, malah dapat dimanfaatkan oleh pihak pentadbiran universiti bagi memperkukuhkan keharmonian universiti disamping meningkatkan darjat universiti bagi menghasilkan graduan yang memiliki nilai kemahiran insaniah yang tinggi. Akhir sekali, kajian ini juga diharapkan dapat membantu dan memberi maklumat kepada penyelidik-penyelidik yang berminat untuk menjalankan kajian terhadap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar UTHM yang menyertai aktiviti kokurikulum pada masa akan datang.

Oleh yang demikian, kajian ini amat penting bagi pihak-pihak yang terlibat sebagai suatu bahan rujukan bagi menentukan ataupun membangunkan suatu sistem pendidikan bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar disamping memupukkan semangat perpaduan yang tinggi dalam diri para pelajar institusi pengajian tinggi.

### 1.12 Definisi istilah dan pengoperasian

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan beberapa definisi istilah dan pengoperasian yang berkaitan dengan aspek-aspek yang dikaji. Ini adalah seperti yang dinyatakan Marican (2005) di mana definisi operasi menghubungkan konsep kepada sesuatu yang boleh diperlihatkan dan dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur dan dimanipulasi. Tujuan penggunaan definisi istilah dan pengoperasian ini adalah untuk mengelakkan kekeliruan terhadap beberapa istilah yang terlibat diberi pengertian seperti yang dimaksudkan berdasarkan konteks kajian ini. Senarai definisi mengikut konteks kajian adalah seperti berikut:

(i) Penguasaan

Maksud penguasaan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) ialah perihal menguasai atau menguasai. Merujuk kepada kata akar bagi perkataan penguasaan ini adalah kuasa, yang membawa maksud daya atau kemampuan bagi melakukan atau mengerjakan sesuatu. Maka, perkataan penguasaan yang digunakan dalam kajian ini adalah bagi menunjukkan perihal kemampuan dan kebolehan pelajar bagi menguasai kemahiran insaniah yang diterapkan melalui penglibatan mereka secara aktif dalam aktiviti kokurikulum badan beruniform

(ii) Kemahiran insaniah

Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (2006), kemahiran insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan manakala kemahiran generik merupakan kemahiran umum tentang kualiti, kebolehan dan ciri-ciri yang membolehkan seseorang berfungsi dan memberi sumbangan secara berkesan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi, berkomunikasi, berfikir secara kreatif dan kritis serta bertindak sebagai anggota kerja berpasukan yang berkesan. Tujuh elemen kemahiran insaniah yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) adalah seperti berikut:

(a) Kemahiran berkomunikasi

- (b) Pemikiran kritis dan penyelesaian masalah
- (c) Kemahiran kerja berpasukan
- (d) Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat
- (e) Kemahiran keusahawanan
- (f) Etika dan moral profesional
- (g) Kemahiran kepimpinan

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar UTHM yang mana merangkumi kepada ketujuh-tujuh elemen kemahiran insaniah iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, moral dan etika profesional, dan juga kemahiran kepimpinan.

(iii) Pelajar

Istilah pelajar atau murid merujuk kepada sesiapa yang sedang atau dalam keadaan belajar di sesebuah institusi pengajian sama ada di peringkat sekolah mahupun diperingkat pengajian tinggi. Dalam kajian ini, pelajar merujuk kepada individu yang melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti badan beruniform yang terdapat di UTHM.

(iv) Aktiviti kokurikulum

Aktiviti kokurikulum dianggap sangat berkesan untuk memupuk keseimbangan perkembangan mental dan perkembangan rohani, jasmani dan sosial pelajar. Aktiviti-aktiviti kokurikulum memberi arah dan hala tuju kepada pelajar supaya menceburkan diri dalam kegiatan yang berfaedah. Menurut Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006), program atau aktiviti yang berbentuk kokurikulum dan kurikulum tambahan merupakan program sokongan berfokuskan bukan akademik. Objektif utama aktiviti atau program sokongan berfokuskan bukan akademik ini adalah untuk membantu pelajar meningkatkan tahap penguasaan kemahiran insaniah yang tidak mempunyai kaitan secara

langsung dengan hal akademik tetapi amat membantu dalam membentuk sahsiah dan profesionalisme pelajar. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini mengambil salah satu pecahan aktiviti kokurikulum yang terdapat di UTHM, dimana pelajar UTHM yang bergiat secara aktif dalam aktiviti kokurikulum badan beruniform.

(v) Badan beruniform

Definisi badan beruniform ialah satu kumpulan yang terdiri daripada gabungan keahlian dan mempunyai dasar-dasar tertentu untuk diikuti dan dipatuhi. Jenis badan beruniform yang ada di sekolah boleh dibahagikan kepada empat iaitu badan beruniform agensi kerajaan, badan beruniform agensi bukan kerajaan, badan beruniform Kementerian Pelajaran Malaysia, dan juga badan beruniform yang diluluskan oleh pihak pendaftar institusi. Manakala badan beruniform di kebanyakan institut pengajian tinggi terbahagi kepada dua iaitu badan beruniform agensi kerajaan dan badan beruniform agensi bukan kerajaan.

Di sekolah, badan beruniform ini merupakan salah satu badan beruniform yang wajib disertai oleh pelajar sekolah. Hal ini adalah berdasarkan Warta Kerajaan bertarikh 31 Disember 1997 telah menyatakan dengan jelas mengenai penyertaan para pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Situasi yang sama juga berlaku di institut pengajian tinggi dimana pihak institusi telah menyediakan kursus kokurikulum yang wajib diambil oleh pelajar institusi tersebut.

Di UTHM, pelajar diploma diwajibkan untuk mendaftar subjek kokurikulum sekali sepanjang pengajian, manakala bagi pelajar sarjana muda pula diwajibkan untuk mendaftar subjek kokurikulum sebanyak dua kali sepanjang pengajian mereka. Walau bagaimanapun, bagi pelajar yang menyertai badan beruniform dikehendaki kekal ke suatu tempoh supaya boleh ditauliahkan dan mendapat pengiktirafan dari pihak agensi kerajaan ataupun pihak agensi bukan kerajaan. Oleh itu, kajian ini merujuk kepada pelajar yang menyertai badan beruniform yang terdapat di UTHM iaitu PALAPES, SUKSIS, SISPA, RELASIS, dan Pengakap Kelanasiswa.

### 1.13 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah menerangkan mengenai pengenalan dan gambaran awal tentang latar belakang kajian seterusnya menjurus kepada permasalahan yang ingin dikaji. Dalam menyatakan tujuan dan matlamat kajian, penyelidik telah menggariskan empat objektif kajian kerana tanpa objektif kajian yang jelas, kajian yang dijalankan akan tersasar. Penyelidik juga telah menyatakan kepentingan-kepentingan kajian bagi membolehkan kajian ini digunapakai oleh pihak yang terlibat. Penyelidik juga telah menyatakan skop kajian supaya penyelidikan yang dijalankan dapat membataskan kajian kerana tidak mungkin penyelidik dapat mencakupi segala perkara. Penyelidik juga telah menyatakan terminologi mengikut pandangan pakar dan pandangan penyelidik sendiri. Justeru itu diharap bab-bab berikut dapat menjawab persoalan-persoalan kajian yang diutarakan oleh penyelidik.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Kajian literatur merupakan salah satu bab yang penting kepada seorang penyelidik bagi menjalankan penyelidikan. Oleh yang demikian, bab ini menyatakan ulasan daripada karya penulis menerusi penghasilan buku ilmiah, sumber dari internet dan juga kajian para penyelidik terdahulu diimbaskan kembali dan hasil dapatannya dicatatkan sebagai rujukan kepada penyelidik. Sumber-sumber ini amat penting dan berguna sebagai rujukan tambahan kepada penyelidik agar setiap penyelidikan yang dijalankan menjadi lebih diyakini dengan bukti-bukti yang kukuh untuk menyokong hujah-hujah yang dibincangkan. Kajian ini juga menumpukan kepada penguasaan kemahiran insaniah pelajar yang aktif melibatkan diri dalam salah satu aktiviti kokurikulum iaitu badan beruniform yang diceburi.

#### **2.2 Kemahiran Insaniah**

Menurut Mat Assain & Mat Safar (2011), kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang sering kita praktik seharian namun kadang kala sesetengah orang tidak menyedari bahawa kemahiran tersebut telah kita amalkan dan terapkan setiap hari dalam setiap aspek kehidupan. Manakala menurut Mansor (2008) pula, kemahiran insaniah dianggap kemahiran yang sangat diperlukan dalam bidang industri dan program-program latihan amat dititikberatkan oleh pihak majikan.

Menurut laporan Kementerian Pengajian Tinggi IPT (2006) menyatakan bahawa Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah adalah untuk IPT di Malaysia, dimana kemahiran insaniah merupakan kemahiran generik walaupun tidak terdapat satu senarai kemahiran yang khusus mengenai kemahiran insaniah. Namun begitu, kebanyakannya berkait rapat dengan beberapa kemahiran seperti kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi dan pembelajaran berterusan. Elemen-elemen yang utama adalah seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional dan juga kemahiran kepimpinan telah dipilih untuk dilaksanakan. Setiap elemen yang berkenaan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Kemahiran Insaniah Mesti (KIM) dan Kemahiran Insaniah Tambahan (KIT). KIT merupakan kemahiran yang mesti dimiliki oleh pelajar. Jika kemahiran ini tiada, pelajar dianggap tidak seiring dalam elemen berkaitan. Menurut Kementerian Pengajian Tinggi IPT (2006), ciri-ciri KIM adalah seperti Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Ciri-ciri KIM yang digariskan di IPT (Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006))

Bil	Kemahiran Insaniah	Ciri-ciri KIM yang digariskan
1.	Kemahiran berkomunikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan serta penuh keyakinan samada secara lisan mahupun bertulis</li> <li>ii. Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas</li> <li>iii. Kebolehan untuk membuat pembentangan secara jelas dengan keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.</li> </ul>
2.	Pemikiran kritis dan penyelesaian masalah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian yang berjustifikasi</li> <li>ii. Kebolehan untuk mengembangkan dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan</li> <li>iii. Kebolehan untuk mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif</li> </ul>

Jadual 2.1: Ciri-ciri KIM yang digariskan di IPT (Sambungan)

Bil	Kemahiran Insaniah	Ciri-ciri KIM yang digariskan
3.	Kemahiran kerja berpasukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebolehan untuk membina hubungan yang baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama</li> <li>ii. Kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli</li> <li>iii. Kebolehan untuk mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain</li> </ul>
4.	Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebolehan untuk mencari dan menguruskan maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber</li> <li>ii. Kebolehan untuk menerima idea baru dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi</li> </ul>
5.	Kemahiran keusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebolehan untuk mengenal pasti peluang perniagaan</li> </ul>
6.	Etika dan moral professional	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebolehan untuk memahami kesan ekonomi, alam sekitar dan sosiobudaya dalam amalan professional</li> <li>ii. Kebolehan menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan etika</li> </ul>
7.	Kemahiran kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengetahuan tentang teori asas kepimpinan</li> <li>ii. Kebolehan untuk memimpin projek</li> </ul>

Kemahiran Insaniah Tambahan (KIT) pula dianggap sebagai kemahiran yang memberikan nilai tambah kepada para pelajar. Jika kemahiran ini dimiliki oleh pelajar bersama KIM, maka beliau boleh dianggap cemerlang dalam elemen berkaitan. Kementerian Pengajian Tinggi IPT (2006), menjelaskan antara ciri-ciri KIT yang digariskan adalah seperti di Jadual 2.2.

Jadual 2.2: Ciri-ciri KIT yang digariskan di IPT (Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006))

Bil	Kemahiran Insaniah	Ciri-ciri KIT yang digariskan
1.	Kemahiran berkomunikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebolehan untuk menggunakan teknologi dalam pembentangan</li> <li>ii. Kebolehan berunding dan mencapai persetujuan</li> <li>iii. Kebolehan berkomunikasi dengan peserta komunikasi yang berlainan budaya</li> <li>iv. Kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan</li> <li>v. Kebolehan menggunakan kemahiran bukan lisan</li> </ul>
2.	Pemikiran kritis dan penyelesaian masalah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebolehan untuk berfikir melangkaui batas</li> <li>ii. Kebolehan untuk membuat keputusan yang berdasarkan bukti yang kukuh</li> <li>iii. Kebolehan untuk bertahan serta memberikan perhatian sepenuhnya terhadap tanggungjawab yang diberikan</li> <li>iv. Kebolehan memahami dan menyesuaikan diri kepada budaya komuniti dan persekitaran kerja yang baru</li> </ul>
3.	Kemahiran kerja berpasukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebolehan untuk memberikan sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan</li> <li>ii. Bertanggungjawab terhadap keputusan kumpulan</li> </ul>
4.	Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebolehan untuk mengembangkan minda ingin tahu dan dahagakan ilmu</li> </ul>
5.	Kemahiran keusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebolehan untuk merangka perancangan perniagaan</li> <li>ii. Kebolehan untuk membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan</li> <li>iii. Kebolehan untuk bekerja sendiri</li> </ul>

Jadual 2.2: Ciri-ciri KIT yang digariskan di IPT (Sambungan)

Bil	Kemahiran Insaniah	Ciri-ciri KIT yang digariskan
6.	Etika dan moral professional	i. Kebolehan untuk mengamalkan sikap beretika, disamping mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat
7.	Kemahiran kepimpinan	i. Kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan ii. Kebolehan untuk menyelia anggota pasukan

Nizar (2005) berpendapat bahawa kemahiran insaniah seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja secara berkumpulan dan sebagainya merupakan ciri-ciri yang amat perlu difahami, dikuasai dan seterusnya mampu diamalkan oleh setiap graduan yang keluar daripada institusi pengajian tinggi. Manakala Ai-Hwa (2005) pula berpendapat bahawa penerapan kemahiran insaniah diperlukan bagi membolehkan seseorang graduan memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam dunia pekerjaan yang sebenar.

Oleh yang demikian, kemahiran insaniah merupakan suatu kemahiran yang sangat meluas bagi mendidik dan melahirkan seseorang individu yang berguna kepada masyarakat dan juga negara. Kemahiran insaniah ini tidak cukup sekadar difahami dan dikuasai, tetapi kemahiran ini hendaklah diamalkan dan diperturunkan kepada generasi akan datang supaya kemahiran insaniah sebatik dalam jiwa masyarakat Malaysia.

### 2.2.1 Kemahiran berkomunikasi

Komunikasi adalah satu bentuk perhubungan dan sebagainya yang melibatkan pertukaran idea, pendapat, maklumat, perhubungan dan sebagainya yang mempunyai tujuan dan persembahan secara perseorangan mahupun ramai melalui lisan atau bukan lisan yang bertujuan untuk mencapai matlamat organisasi.

Menurut Ee (1996), Hassan & Mohd. (2000), Idris et al (2008), dan Buntat & Hassan (2010), komunikasi adalah penting dalam proses kehidupan manusia. Komunikasi lisan melibatkan proses pemindahan maklumat atau idea secara lisan

daripada seorang individu kepada individu yang lain, manakala komunikasi bukan lisan pula merupakan komunikasi melalui penyampaian mesej secara gerak isyarat atau bahasa badan.

Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) untuk IPT Malaysia (2006) menyatakan bahawa kemahiran berkomunikasi melibatkan komunikasi yang berkesan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam konteks berlainan dan juga peserta komunikasi yang berlainan. Keterangan lapan kemahiran berkomunikasi (CS) adalah seperti di Jadual 2.3.

Jadual 2.3: Keterangan lapan tahap CS (Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006))

Tahap	Kemahiran	Keterangan
CS 1	KIM	Kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan serta penuh keyakinan samada secara lisan mahupun bertulis
CS2	KIM	Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas
CS3	KIM	Kebolehan untuk membuta pembentangan secara jelas dengan keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.
CS4	KIT	Kebolehan untuk menggunakan teknologi dalam pembentangan
CS 5	KIT	Kebolehan berunding dan mencapai persetujuan
CS 6	KIT	Kebolehan berkomunikasi dengan peserta komunikasi yang berlainan budaya
CS 7	KIT	Kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan
CS 8	KIT	Kebolehan menggunakan kemahiran bukan lisan

Maka, kemahiran berkomunikasi ini penting bagi membolehkan seseorang individu berhubung dengan individu yang lain. Dalam konteks perpaduan juga dapat mendatangkan pelbagai faedah dimana para pelajar boleh berkomunikasi dengan pelajar yang berlainan agama, etnik dan budaya tanpa menimbulkan sebarang isu yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat Malaysia pada masa hadapan.

### **2.2.2 Pemikiran kritis & penyelesaian masalah**

Dalam kehidupan seharian manusia sering berhadapan dengan situasi yang memerlukan kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Manusia selalu mengambil tindakan segera apabila menghadapi sesuatu masalah dan ada kalanya pula manusia mempunyai masalah yang cukup untuk berfikir dan meneliti menyelesaikan dan keputusan yang diambil. Tidak kira apa keadaannya tindakan yang bijak dan berkesan sebenarnya bergantung kepada keupayaan menguasai kedua-dua kemahiran tersebut. Kedua-dua kemahiran ini boleh dipelajari.

Menurut Cornell menerusi *Critical Thinking Skills* dalam Ariffin, et. al (2010) menyatakan bahawa seseorang individu wajib diterapkan dengan kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah. Hal ini kerana melalui kemahiran nilai tambah ini menjadikan seseorang individu itu berupaya untuk mengambil tindakan yang jitu dan bertanggungjawab terhadap implikasi yang dihadapi.

Melalui penerapan kemahiran pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, seseorang individu harus berfikir kritis, kreatif dan inovatif untuk merungkaikan permasalahan dan membuat keputusan yang kukuh berdasarkan bukti yang dikemukakan. Kenyataan ini disokong oleh Ismail & Atan (2010) dengan menyatakan bahawa pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah membolehkan pelajar mengkaji secara mendalam persoalan yang timbul dengan mudah di samping menjana teori, bukti dan data yang boleh menyokong dengan tepat dan menyeluruh. Ini secara tidak langsung mendidik pelajar untuk lebih berdikari, bekerjasama dengan ahli kumpulan, dan berfikir lebih kreatif dan kritis.

Ambigapathy & Aniswal (2005) menekankan kepentingan daya kreativiti dan kemahiran berfikir dalam menyelesaikan masalah kerja yang harus dilengkapi oleh

## RUJUKAN

- Ab. Manaf, R. dan Fauzee, M. S. O. (2002). *Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan*. Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof (2002). "Kokurikulum Peranan Dan Implikasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Ab.Alim, A. R. (1999). *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd. 1-5
- Ab.Alim, A. R. (2004). *Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum*. Selangor: Penerbit Oxford Sdn. Bhd.
- Abdul Ghafar, M. N. (2007). *Intervensi pembangunan organisasi pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M.N.(1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Abdullah, N. H. (2007). *Pengurusan kemahiran insaniah dalam membangunkan modal insan melalui aktiviti kokurikulum di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis sarjana.
- Abu Bakar, M.Y. (2008). *Pembangunan Modal Insan: Isu dan Peranan IPT*. Tersedia [online] juga dalam <http://seminar.spaceutm.edu.my/nasdec2008/Download/keynote.pdf>
- Ahmad Anuar, A. & Esa, A. (2010). *Penerapan kemahiran insaniah di Pusat Giat Mara (PGM): Satu analisis perbandingan*. dlm. Esa, A. & Mustafa, M. Z. (Ed). *Kemahiran insaniah: kajian di Institusi-institusi Pengajian*. Batu Pahat: Penerbit UTHM. ms. 1 – 19.



- Ahmad, Y. (2008). *Extra-curricular teacher readiness to manage uniform societies in secondary schools in Seremban, Negeri Sembilan*. Masters thesis, Universiti Malaya.
- Ai-Hwa, Q. (2005). *Learning for the Workplace: A Case Study in Graduate Employees Generic Competencies*. *Journal of Workplace Learning*, 17 (4), 231-242.
- Annamalai, M., Othman, A. T. Dan Abdullah, A. G. K. (2012). *Pengaruh Sokongan Keluarga dalam Penglibatan Kokurikulum Sekolah Terhadap Pencapaian Kemahiran Insaniah Murid*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012. 7-8 Oktober 2012. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ariffin, S. R., Abd Majid, R., Haron, Z., Idris, R., Aalias, A., Samsuri, S., Hassan, B., & Abdul Hamid, N. A. (2010). *Kemahiran Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah Pelajar-Pelajar Sains di Malaysia*.
- Aroff, M., Rahman, A., Mahyuddin, R., Suhid, A., & Abu Bakar, K. (2007). *Kemahiran insaniah: moral dan etika profesional pelajar baharu UPM*.
- Arosoo, V. T. (1988). *Kegiatan ko-Kurikulum: Penyeliaan dan pentadbiran*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Azman, N. A. (2007) *Peranan pengetua sebagai pengurus kokurikulum di sekolah menengah daerah Mersing*. Masters Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana. Dicapai pada Oktober 14, 2013.
- Badusah, J. (2009). *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Badusah, J., Hashim, R. A., Konting, M. M., Suandi, T., Salih, M., & Yusof, N. (2009). *Pembangunan Pelajar, Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Bangi: UPM
- Bahagian Pasukan Simpanan Tentera Darat Malaysia (2012, Mac). *Sejarah Ringkas BPS*. Dicapai pada Mei 31, 2013, dari Portal Rasmi Tentera Darat Malaysia: [army.mod.gov.my](http://army.mod.gov.my)
- Baharuddin, S. A. (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

- Buntat, Y., & Hassan, M. S. (2010). *Kemahiran Komunikasi Dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar: Satu Tinjauan Di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia.*
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan Buku 1,2 Dan 3.* Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Crebet, G., Bates, M., Bell, B., Patrick, C. & Cragdollini, V. (2007). *Developing Generic Skills at University, During Work Placement and in Employment: Graduates Perceptions.* Journal of Higher Education Research & Development. Vol. 23. Ms: 147-165
- Dahalan, A. F. (2006). *Penggunaan Teknologi Dalam Pembelajaran Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Malaysia.* Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Dora, M. T., Kudus, N., Abu Hassan, M. & Ali, R. (2008). *Kemahiran Insaniah 7 kompetensi unggul mahasiswa.* Melaka: Penerbit UteM.
- Ee, A. M. (1996). *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan (Semester 1).* Siri Diploma Pendidikan. Shah Alam: Fajar Bakti
- Esa, A. and Jamaludin, H. (2009). *Peranan kokurikulum di universiti dalam membentuk keterampilan mahasiswa.* Dalam: International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2009 (ICTLHE09), 23-25 November 2009, Kuala Lumpur.
- Esa, A., & Mohd Yunus, J. (2011). *The implementation of generic skills at technical schools: Comparative analysis in different platform.* Journal of Techno-Social, 3(2).
- Esa, A., Md. Yunus, J. & Kaprawi, N. (2005). *Membangun Kemahiran Generik Menerusi Persatuan dan Kelab Di Politeknik Malaysia.* Jurnal Personalia Pelajar.
- Esa, A., Padil, S., & Selamat, A. (2013). *Kemahiran Insaniah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran pada Program Kejuruteraan di Politeknik Malaysia.* Jurnal Kajian Pendidikan, 3, 2.
- Fadzil, N. S. dan Ahmad, J. (2010). *Kepentingan Kokurikulum dalam Pendidikan Di Sekolah Menengah.* Proceedings of The 4th International Conference on

- Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesian, 8-10 November 2010.
- Fauzee, S. O. (2002). *Psikologi Sukan, Konsep Dalam Latihan dan Pengajaran Sukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Feair, M. A. (2012). *Penerapan dan Kesedaran Pelajar UTHM Terhadap Pembangunan Kemahiran Keusahawanan Menerusi Kokurikulum Badminton*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Gilbert, R., Balatti, J., Turner, P. & Whitehouse, H. (2004). *The Generic Skills Debate in Research Higher Degrees*. Journal of Higher Education Research & Development. Vol. 23. Ms: 375-388
- Hadi, A., Yusop, M., Esa, A., Vinayagam, Y., & Yasak, Z. (2008). *Sumbangan kurikulum dan kokurikulum bagi penguasaan kemahiran generik terhadap pelajar tahun akhir UTHM*. Dalam: Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia
- Hassan, A. & Mohd, A. (2000). *Komunikasi Untuk Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hoe, W. E. (1996). *Gerak Kerja Kokurikulum: Sukan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Hussin, H., A. Zakaria & M.S. Salleh. (2008). *Memperkasakan Mahasiswa Kejuruteraan Menerusi Penerapan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) dalam International Conference on the Roles of the Humanities and Social Sciences in Engineering 2008 (ICOHSE08)*, ms.583-596.
- Idris, M. S., Sikor, A., Mohd Ariff, S. Z., Mustafa, M. Z., Madar, A. R., & Md. Ariffin, L. (2008). *Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008.
- Idris, R., Ariffin, S. R., & Mohd Ishak, N. (2009). *Pengaruh kemahiran generik dalam kemahiran pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan komunikasi pelajar*

*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Malaysian Journal of Learning & Instruction, 6, 103-38.*

Jaafar, C. A. & Yusof, A. (2002). *Perlunya Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan Sekolah*. Dalam: Omar fauzee, M. S., Yusof, A. & Yusof, B. *Kokurikulum Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Jaafar, C. A. dan Yusof, A. (2002). *Perlunya Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan Sekolah*. Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof (2002). *Kokurikulum Peranan Dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang, Selangor: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (2013, April). *Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA)*. Dicapai pada Mei 31, 2013, dari Portal Rasmi Jabatan Pertahanan Awam: <http://www.civildefence.gov.my/v3/index.php/perkhidmatan/siswa-siswi-pertahanan-awam-sispa>

Jacob, B. A. (2002). *Where boys aren't: non-cognitive skills, returns to school and the gender gap in higher education*. *Economics of Education Review*. Vol 21. Ms: 589-598

Jalil, A., Azyani, N., & Esa, A. (2012). *Kemahiran menyelesaikan masalah menerusi aktiviti kokurikulum (khidmat masyarakat) dalam kalangan pelajar*. Dalam: In: Prosiding Seminar Pendidikan Ijazah dalam PTV Kali Ke 2 Tahun 2012, 13 Jun 2012, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Kamis, A. (1993). *Aktiviti kokurikulum dasar KBSM: Ke arah kemantapan insan seimbang. Kurikulum bersepadu sekolah menengah: Pandangan dan maklum balas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kementerian Pengajian Tinggi IPT (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk IPT*. Penerbitan UPM Serdang

- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Keyani, B. (2012). *Planning guideliness for co-curricular activities*. Dicapai pada November, 2013 dari: <http://www.sbsdk12.org/plans/guidelines/cocurricular/CocurricularGuidelines2011-12.pdf>
- Klesse, E. J. & D'Onofrio, J. A. (2000). *The Value of Cocurricular Activities*. Dicapai pada November, 2013 dari: <http://www.nassp.org/portals/0/content/48943.pdf>
- KLKM UTHM (2013, Februari). KLKM UTHM. Dicapai pada Mei 31, 2013, dari Blog KLKM UTHM: <http://klkmuthm.blogspot.com/>
- Kor Sukarelawan Siswa Siswi (2012, Jun). Pengenalan SUKSIS. Dicapai pada Mei 31, 2013, dari Laman Web Kor Sukarelawan Siswa Siswi UTHM: [suksis.uthm.edu.my](http://suksis.uthm.edu.my)
- Mansor, Z. (2008). *Pelaksanaan dan Penilaian Kemahiran Insaniah dalam Mata Pelajaran Kokurikulum di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Marais, P. (2011). *The Significant of Student teachers Involvement in Co-curricular Activities*. International Journal for e-learning Security (IJeLS). Vol. 1. Ms: 81-88
- Marican, A. (2005). *Teknologi Sebagai Pengupaya Dalam Pelaksanaan Sekolah Bestari dan Pengurusan Pembelajaran Bestari*. Jurnal Akademik. Jilid 9. Januari 2002. Kota Bharu: Maktab Perguruan Kota Bharu.
- Mat Assain @Hashim, F. & Mat Safar, H. (2011). *Penerapan Kemahiran Insaniah Di Sekolah Menengah Teknik: Satu Analisis Perbandingan*.
- Megat Zakaria, M. A. Z. (2007). *Hubungan antara kemahiran generik dengan jantung, pengkhususan dan pencapaian guru-guru pelatih UTM: Satu Tinjauan*.
- Milhem, W. (2001). *Faculty and Administrative Startegies for effective Implementation of Distance Education*. Journal of Technology. Vol. 32(5). Ms: 535-542

- Mohd Noor, N. & Sahimin, S. (2010). *Penerapan kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Yayasan Sabah*. Di capai pada Januari 18, 2014 dari [http://eprints.utm.my/10527/1/penerapan\\_kemahiran\\_generik\\_dalam\\_proses\\_pengajaran\\_dan.pdf](http://eprints.utm.my/10527/1/penerapan_kemahiran_generik_dalam_proses_pengajaran_dan.pdf)
- Mohd. Nor, U. N Zamri, M. & Jamaludin, B., (2011). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tahir, L. & Othman, O. (2010). *Keperluan Aktiviti Kokurikulum (Beruniform) Kepada Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Langkawi*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana. Dicapai pada Oktober 14, 2013 dari [http://eprints.utm.my/11595/1/KeperluanAktiviti\\_Kokurikulum.pdf](http://eprints.utm.my/11595/1/KeperluanAktiviti_Kokurikulum.pdf).
- Mohd Salleh, A., Kamaruddin, M. I., Abu Bakar, Z., Ibrahim, M. A., Megat Zakaria, M. A. Z. & Bunyamin, M. A. H. (2010). *Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Guru Pelatih Fakulti Pendidikan UTM*. Kertas Institusi. Fakulti Pendidikan, UTM.
- Mohktar, S., Mustafa, S. dan Muhamad, W. M. M. W. (1999). *Kajian Mengenai Penglibatan dalam Kokurikulum ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar di Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes*. Tesis. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
- Musa, M., & Esa, A. (2011). *Tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik serta Pendidikan, UTHM*. Journal of Techno-Social, 1(1).
- Nasharudin, N. & Harun, H. (2010). *Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Jurnal Pendidikan Malaysia 35(1)(2010): 11-17. Dicapai pada Mei 30, 2014. Dari <http://www.ukm.my/jurfpnd/volume35%20pdf/Aspirasi%20Kerjaya%20Keusahawanan%20dalam%20Kalangan%20Pelajar%20Institusi%20Pengajian%20Tinggi%20Awam.pdf>

- Nizar, N. (2005). *Keterampilan Kemahiran Teknikal Graduan Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN)*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana
- Nordin, A. B. & Othman, I. (2006). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Tanjung Malim: Quantum Books
- Puteh, S. (2004). *Pengurusan Kokurikulum*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- Puteh, S. (2006). *Pengurusan Kokurikulum: Modul Pengajaran*. Johor: Penerbit Kolej Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- RELASIS UTHM (2012, Oktober). *RELASIS (Briged RELA Siswa Siswa UTHM*. Dicapai pada Mei 31, 2013, dari Laman Web Rasmi RELASIS UTHM: <http://relasis.uthm.edu.my/index.php/relasis-briged-rela-siswa-siswi-uthm>
- Tong, T. B. (1984). *Pendidikan jasmani di sekolah rendah (Edisi ke-2)*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Yusoff, M. (2006), *Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar: Kajian Kes di Salah Sebuah Kolej Kediaman UTM, Kampus Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zainudin, H., Abdul rahman, M. N., Abdul Ghafar, M. N., & Zakaria, K., (2011). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Di Terengganu*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

